



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 FEBRUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MOA TO CLOSELY MONITOR CHINA'S HSN1, NO FOOD CONTAMINATION SO FAR, THE MALAYSIAN RESERVE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	TIADA HAIWAN HIDUP, PRODUK DIIMPORT DARI SHAOYANG, CHINA, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	PPM RAMPAS 50KG IKAN 'LETUP', LOKAL, HM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	RAMPAS 50KG IKAN, MY METRO -ONLINE	
5.	JABATAN PERIKANAN RAMPAS 3,803 BUBU NAGA TAHUN LALU, BH -ONLINE	
6.	PASAR TANI ANAK SENI DI 2 LOKASI, HIP, BH -42	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	SERAI GANTI PENYEDUT MINUMAN PLASTIK, NASIONAL, SH -18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	LADANG TERNAKAN RUSA BAKAL WUJUD DI SETIU, HAKAH DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN
9.	SMART FARMING: PERLU PELAKSANAAN MENYELURUH, HAKAH DAILY -ONLINE	

UJKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	THE MALAYSIAN RESERVE	ONLINE	

MoA to closely monitor China's H5N1, no food contamination so far



1,313km away from the H5N1 ground zero in Liaocheng, Shangdong.

THE Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) is on its toes on the imports of chicken meat to the country amid the latest H5N1 bird flu outbreak in China.

The outbreak has worried many as the republic is still unsettled with its 2019 novel coronavirus (2019-nCoV) pandemic which killed over 350 people and infected more than 17,300 persons throughout the world as of yesterday, according to data tracked by *The New York Times*.

On Saturday, Reuters reported an outbreak of a highly pathogenic strain of H5N1 bird flu at a farm in Shaoyang city of the southern province of Hunan.

However, MoA, through the Department of Veterinary Services Malaysia, said the country only brings in chicken meat from a processing factory located

"The Chinese authority has already taken measures to control the H5N1 disease, and Malaysia does not import any live animal products from this (Shangdong) area," the department said in a statement yesterday.

According to a *Reuters* report, China's Ministry of Agricultural and Rural Affairs confirmed that the case occurred on a farm with 7,850 chickens, 4,500 of which have died of the bird flu.

The authorities have culled 17,828 poultries following the outbreak.

Malaysia's veterinary department assured that so far, the samples of all poultries collected by the authority have been free of the H5N1 disease.

"We are stepping up on our precautionary measures where samples will be taken from all consignment for examination.

"The department will continuously monitor this situation and keep a close contact with the World Animal Health Organisation to get the latest update from time to time," the department said.

According to the World Health Organisation (WHO), H5N1 is a type of influenza virus which causes a highly infectious, severe respiratory disease in birds called the avian influenza or "bird flu".

It is hardly transmissible from person to person, but once infected, the mortality rate could reach 60%.

Almost all cases of H5N1 infection in people have been associated with close contact with infected live or dead birds, or H5N1-contaminated environments, WHO said.

Meanwhile, as a precautionary move to curb the spread of the nCoV, MoA Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub has directed the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department to conduct strict checks on imported food products from China at all entry points nationwide.

This is being done despite Malaysia not importing any food products from Wuhan, China, the epicentre of the nCoV disease.

There was also no evidence indicating the spread of the epidemic through food. However, security controls and inspections should be carried out.

Salahuddin said for now, there is no restriction on the import of food from the republic, despite WHO's declaration on a public health emergency.

The country bills about RM3 billion of foods from mainland China, particularly chicken cuts, fruits and vegetables.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Tiada haiwan hidup, produk diimport dari Shaoyang, China



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, China telah mengambil tindakan untuk mengawal penyakit H5N1. -Foto portal rasmi Jabatan Veterinar

PUTRAJAYA: Malaysia tidak mengimport haiwan hidup dan produk dari Shaoyang, China sebaliknya mengimport keratan ayam daripada loji pemprosesan di Liao-cheng, Shangdong iaitu kira-kira 1,313 kilometer dari lokasi penularan wabak selesema burung H5N1.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, China telah mengambil tindakan untuk mengawal penyakit H5N1.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan sentiasa memantau keadaan dan berhubung dengan World Animal Health Organisation

(OIE) untuk mengetahui status kedudukan sebenar dari semasa ke semasa.

"Jabatan sentiasa mengambil sampel keratan ayam yang dibawa masuk untuk diuji bagi penyakit H5N1.

"Setakat ini tiada sampel yang positif. Langkah berjaga-jaga akan ditingkatkan dan sampel akan diambil daripada setiap konsainan untuk diuji," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan pemerintah China mendedahkan berlaku penularan wabak selesema burung H5N1 di sebuah ladang ternakan di bandar Shaoyang di wilayah selatan Hunan.

Kira-kira 4,500 daripada 7,859 ayam yang ditenak di ladang itu dilaporkan mati akibat jangkitan virus tersebut

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

PPM rampas 50kg ikan 'letup'

Kota Kinabalu: Kira-kira 50 kilogram (kg) ikan dirampas disyaki ditangkap menggunakan bahan letupan dalam operasi Op Bersepadu Inter Agensi di sekitar Pasar Ikan Sinsuran dan Pasar Todak di sini, malam kelmarin.

Operasi yang bermula kira-kira 7 malam hingga jam 9 malam disertai dua pegawai kanan Pasukan Polis Marin (PPM) bersama sembilan anggota dan lima pegawai dari Jabatan Perikanan Kota Kinabalu.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, sepanjang operasi itu, beberapa meja peniaga ikan di Pasar Ikan Sinsuran dan peniaga di makanan laut Pasar Todak diperiksa.

"Pemeriksaan secara terperinci dilakukan oleh pegawai dari Jabatan Perikanan dan merampas hampir 50kg jenis ikan putih di Pasar Ikan Sinsuran.

"Kebanyakan ikan yang dirampas ditemui mempunyai organ dalaman yang pecah dan cepat berbau busuk dipercayai ditangkap menggunakan kaedah letupan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	MY METRO	ONLINE	

Rampas 50 kg ikan



KIRA-KIRA 50 kilogram (kg) jenis ikan putih dirampas disyaki ditangkap menggunakan bahan letupan dalam operasi 'Ops Bersepadu Inter Agensi' di sekitar Pasar Ikan Sinsuran dan Pasar Todak, di Kota Kinabalu, malam tadi.

Operasi yang bermula kira-kira 7 malam hingga 9 malam tadi, disertai dua pegawai kanan Pasukan Polis Marin (PPM) bersama sembilan anggota dan lima pegawai dari Jabatan Perikanan Kota Kinabalu.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, sepanjang operasi itu, beberapa meja peniaga ikan di Pasar Ikan Sinsuran dan peniaga di makanan laut Pasar Todak diperiksa.

"Pemeriksaan secara terperinci dilakukan sendiri oleh pegawai dari Jabatan Perikanan dan merampas hampir 50 kg jenis ikan putih di Pasar Ikan Sinsuran.

"Kebanyakan ikan yang dirampas itu ditemui mempunyai organ dalaman yang pecah dan cepat berbau busuk dipercayai ditangkap menggunakan kaedah bahan letupan," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, semua ikan yang dirampas bersama satu unit tong ikan dianggarkan bernilai RM1,500.

"Semua rampasan dibawa ke pejabat Markas Operasi Pasukan Polis Marin Kota Kinabalu untuk tindakan lanjut.

"Kes diserahkan kepada pegawai penyiasat Jabatan Perikanan dan disiasat mengikut Seksyen 26 (1) (c) Akta Perikanan 1985 (Menangkap ikan dengan cara menggunakan bahan letupan)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Jabatan Perikanan rampas 3,803 bubu naga tahun lalu



MANJUNG: Sebanyak 3,803 bubu naga bernilai RM218,000 dirampas Jabatan Perikanan Perak dalam operasi yang dijalankan di perairan negeri ini sepanjang tahun lalu.

Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, segelintir nelayan di negeri ini dikesan masih menjalankan kegiatan menangkap ikan menggunakan kaedah itu biarpun penggunaannya sudah dilarang berkuat kuasa pada 1 November 2018.

Beliau berkata, perairan Panchor, Pantai Remis di Manjung dan Kuala Sepetang, Taiping adalah lokasi yang dikesan aktif menggunakan bubu naga dan rampasan alatan itu juga sering dilakukan di kawasan berkenaan.

"Untuk tahun lalu Jabatan Perikanan Perak mencatatkan sebanyak 234 kes dengan rampasan 3,803 buah bubu naga dan untuk Januari ini sebanyak 30 kes dicatatkan membabitkan 312 unit alatan itu yang bernilai RM23,000," katanya ketika ditemui di Bagan Panchor, Pantai Remis dekat Manjung, semalam.

Zaki berkata, harganya yang murah iaitu hanya RM70 seunit menjadi antara penyebab bubu naga masih banyak digunakan biarpun pihak berkuasa sering menjalankan operasi bagi mengekang kegiatan haram itu.

"Peralatan ini lebih mudah dan boleh ditinggalkan semalaman sebelum datang mengambil hasil. Maklumat yang kita perolehi juga mendapati bekalan bubu naga daripada Thailand.



Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri. - Foto Noor Hidayah Tanzizi
"Bubu naga mempunyai lebih dua injap sebab itu penggunaannya diharamkan. Alatan ini boleh beri kesan kepada induk dan anak ikan selain memerangkap serta menjejaskan sumber perikanan," katanya.

Katanya, pihaknya juga menerima aduan terutama daripada nelayan bot tunda kelas B yang memaklumkan terdapat banyak bubu naga beroperasi di kawasan tangkapan ikan zon berkenaan.

"Masih ada yang kurang kesedaran dalam isu penggunaan bubu naga dan komuniti nelayan juga diharap dapat memainkan peranan seperti menegur mereka yang masih menggunakan alatan itu selain tindakan daripada jabatan serta agensi lain," katanya.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, pihaknya merampas 706 unit bubu naga bernilai RM60,000 sepanjang tahun lalu mengikut Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985.

Katanya, semua barang rampasan itu akan dilupuskan dan pihaknya turut mengesan penggunaan bubu naga aktif dijalankan di kawasan sekitar perairan Pantai Remis.

Kesan penggunaan bubu yang mempunyai banyak injap dan bermata kecil itu bukan saja boleh memusnahkan ekosistem serta sumber hasil laut dalam jangka masa panjang, malah menjejaskan pendapatan nelayan, terutama nelayan pantai atau tradisional yang menggunakan cara penangkapan biasa seperti menggunakan pukot hanyut.



hip@bh.com.my



**Ramai ahli memiliki
perniagaan sendiri,
mengapa tidak kami
jadikan pasar tani
sebagai platform
menjana pendapatan
sampingan.**

**Zulkifli M Osman,
Ahli Kehormat KOSENIWAN**

Pasar tani anak seni di 2 lokasi

Projek perintis anjuran FAMA, KOSENIWAN buka peluang perniagaan

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Koperasi Seni Warisan Berhad (KOSENIWAN) buat julung kalinya mengambil inisiatif membuka gerai jualan di pasar tani, khusus buat penggiat seni termasuk artis sebagai usaha meningkatkan pendapatan mereka.

Projek perintis program itu akan bermula di Pasar Tani Taman Melawati, Kuala Lumpur, Sabtu ini dan Pasar Tani Stadium Shah Alam, keesokannya.

Jualan bermula jam 6.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Antara artis yang dijangka membuka gerai adalah Faye Khusairi, Abon, Aznah Hamid, Nadia Kesuma, Anglia Natasha Aziz dan ramai lagi.

Ahli Kehormat KOSENIWAN, Datuk Zulkifli M Osman berkata, projek bersama FAMA itu selaras objektif penubuhan koperasi yang mahu membantu meningkatkan pendapatan

penggiat seni.

"Pertamanya, program berniaga di pasar tani ini adalah untuk mempromosikan KOSENIWAN kepada orang ramai.

"Kami bekerjasama dengan FAMA untuk membuka gerai jualan bagi ahli koperasi yang juga karyawan dan penggiat seni tanah air.

"Melihat ramai dalam kalangan ahli memiliki perniagaan sendiri, mengapa tidak kami jadikan pasar tani sebagai platform untuk mereka menjana pendapatan sampingan.

"Insya-Allah projek dengan FAMA ini adalah permulaan. Selepas ini, ada lebih banyak platform yang akan kami sediakan untuk artis dan penggiat seni," katanya kepada *HIP*.

Zulkifli yang juga pengarah dan pelakon berkata, artis yang berniaga bakal memeriahkan acara dan menggalakkan pengunjung untuk membeli-belah di pasar tani.

"Untuk menarik ramai pengunjung, kami akan membuat gimik termasuk segmen persembahan daripada artis yang terlibat dengan program pasar tani.

"Mungkin artis yang berniaga akan turun padang bersama peniaga yang lain," katanya.

Ditanya mengapa pasar tani dipilih, Zulkifli berkata, faktor sambutan orang ramai terhadap kemudahan itu pada setiap hujung minggu mendorong KOSENIWAN menggerakkan

inisiatif itu.

"Di pasar tani, orang ramai datang membeli barang keperluan. Tidak kira barangan basah atau kering. Kami percaya berniaga di pasar tani menjamin keuntungan," katanya.

Zulkifli berkata, ketika ini urus setia giat mencari orang seni dan artis yang mahu membuka gerai di dua pasar tani berkenaan.

"Kita juga mengahualukan artis muda turut serta program ini," katanya.

Mengenai projek lain yang dirancang, Zulkifli berkata, koperasi bercadang bekerjasama dengan organisasi lain dalam program yang boleh memberi manfaat sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

"Selepas lima tahun ditubuhkan, kami fikir inilah masanya untuk bekerja keras mempromosikan KOSENIWAN. Organisasi ini diasaskan untuk membantu anak seni tempatan," katanya.

Info KOSENIWAN

- » Ditubuhkan lima tahun lalu bagi memberi peluang kepada anak seni mencari pendapatan sampingan.
- » Projek perintis di Pasar Tani Taman Melawati, Kuala Lumpur, Sabtu ini dan Pasar Tani Stadium Shah Alam, keesokannya.

Serai ganti penyedut minuman plastik

Antara solusi yang dicadangkan selain guna kertas, buluh dan besi

Oleh NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

Pada 2018, University City High School Commander mengeluarkan satu laporan kajian mengejutkan tentang penggunaan straw atau penyedut minuman plastik.

Berdasarkan laporan tersebut, jika penggunaan straw plastik tidak dihentikan, menjelang 2050 akan lebih banyak penyedut minuman itu berbanding ikan di lautan.

Namun, belum pun memasuki 2050, kesan straw plastik pada hari ini hebat diperdebatkan oleh pencinta alam sekitar di serata dunia.

Sebuah video yang memperlihatkan seekor penyu berdepan kesengsaraan apabila sebatang straw tersumbat di dalam hidungnya menjadi modal bicara pencinta alam sekitar.

Tidak dapat dipastikan bila straw plastik menjadi punca derita penyu tersebut tetapi boleh dikatakan bahawa plastik mengambil masa selama 200 tahun untuk mengurai, malah selepas terurai sekalipun, ia menjadi mikrofam dan tidak boleh diuraikan sepenuhnya.

Bagaimana situasi sebenar sekiranya penggunaan straw plastik tidak dihapuskan sepenuhnya?

Bertitik tolak daripada kesan buruk penggunaan straw plastik, pelbagai pihak tampil menyuarakan kebimbangan sehingga menyebabkan beberapa kerajaan negeri, antaranya Selangor, Melaka dan Kuala Lumpur mengambil tindakan drastik melarang penggunaan penyedut minuman plastik.

Penyedut minuman berteraskan kertas, buluh dan besi dijadikan solusi sebagai pengganti plastik. Baru-baru ini, Pengerusi Lem-



Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa menyarankan penggunaan serai buluh bagi menggantikan penyedut minuman plastik.

baga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Husam Musa menyarankan penggunaan serai buluh sebagai penyedut minuman.

Namun, saranan itu segera menjadi modal buat warga maya membuat lawak atau troll menerusi media sosial.

Jika diimbas kembali, seramai empat murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Behrang 2020 di Perak merangkul Anugerah Emas pada pertandingan reka cipta dan inovasi peringkat antarabangsa yang diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Merbok, Kedah pada penghujung Mac 2019.

Kejayaan merangkul anugerah tersebut adalah melalui inovasi penyedut minuman bio yang dihasilkan daripada daun serai dan kertas bagi menggantikan penyedut minuman plastik.

Jadi, apa yang disarankan oleh Husam tidak sepatutnya ditertawakan kerana saranan itu adalah sebagai langkah menggantikan straw plastik walaupun penggunaan serai buluh berteraskan sumber semula jadi dan tidak memerlukan masa lama untuk terurai.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi Universiti

Malaya, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, saranan Husam itu perlu diteliti sama ada ia membawa kebaikan atau sebaliknya.

Ini kerana, tegas beliau, banyak material yang boleh digunakan bagi menggantikan penggunaan straw plastik.

"Isunya sama ada ia baik atau



Cadangan serai buluh menggantikan straw plastik mendapat perhatian pelbagai pihak.

tidak. Dia mahu ganti plastik tetapi banyak material lain juga boleh digunakan, bukan sahaja serai.

"Sekarang banyak straw yang guna kertas, buluh dan besi. Ini adalah usaha nak kurangkan plastik. Isunya adalah berkenaan plastik. Kita nak kurangkan plastik dalam alam sekitar kerana plastik susah untuk terurai," katanya kepada *Sinar Harian* ketika diminta memberikan ulasan berkenaan serai bagi menggantikan penyedut minuman plastik.

Namun, bagi Dr Azizan, langkah yang lebih baik untuk memastikan alam sekitar terus terjaga adalah tanpa menggunakan straw 100 peratus.

Menyokong pandangan itu, penerang daripada Jabatan Persekitaran dan Pekerja, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman menegaskan, adalah lebih baik penggunaan straw dihapuskan sepenuhnya.

"Orang Malaysia suka minuman sejuk. Bagi saya, kalau minum air sejuk sekalipun tidak perlu guna penyedut minuman. Kenapa air panas kita tak gunakan straw tetapi air sejuk kita mahu gunakannya," katanya.

Jika mahu menggunakan penyedut minuman sekalipun, katanya, ia boleh digantikan dengan penyedut minuman yang boleh disimpan semula atau diguna semula seperti penyedut minuman besi yang ketika ini digunakan secara meluas di seluruh dunia.

"Kalau kita guna serai, memang takkan habis isu tersebut sebab setiap kali habis guna kita akan buang. Bukan boleh guna dua tiga kali. Mungkin serai boleh digunakan tetapi untuk jangka masa panjang, penggunaannya tidak berapa bijak. Lebih baik tanpa gunakan straw sebab penduduk di negara-negara maju minum tanpa straw.

"Penggunaan straw besi yang boleh dibawa ke mana-mana lebih bijak dan bagus," kata beliau.



AZIZAN

Ladang ternakan rusa bakal wujud di Setiu



SETIU: Kerajaan Negeri bakal membina sebuah ladang ternakan rusa di daerah ini bagi merancakkan industri itu di Terengganu sesuai dengan peruntukan dalam Bajet 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, ia dilakukann dengan pengubahsuaian kepada Ladang Ternakan Haiwan di Chalok.

Maklumnya, antara kemudahan perlu disiapkan di kawasan berkenaan adalah struktur pagar siklon (*cyclone*) setinggi enam kaki yang mempunyai daya lenturan bagi mengelakkan kecederaan kepada rusa.

"Dengan ketinggian enam kaki itu ia sudah mencukupi dan tidak mampu dilepasi oleh rusa," ujar beliau.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan kawasan yang dipagar itu juga perlu dibahagikan kepada beberapa sektor ragutan bagi memudahkan aktiviti untuk haiwan itu dilakukan secara bergilir-gilir dan teratur.



"Kawasan ragutan itu juga perlu ditanam dengan rumput bermutu seperti rumput jenis '*pasture humidicola*'.

"Selain itu, pokok-pokok hutan yang besar sebahagiannya perlu dibiarkan sebagai tempat rusa berteduh dan berehat dan memberi suasana hutan yang hampir sama dengan habitat asalnya," jelas beliau.

Dalam pada itu, Dr Azman turut berkata, spesies rusa '*Timorensis*' telah menjadi pilihan atas beberapa sebab terutamanya penjagaan yang mudah, tahan penyakit dan cepat membiak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Smart farming: Perlu pelaksanaan menyeluruh



SAYA menyambut baik konsep pertanian pintar (*smart farming*) yang disarankan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) untuk dilaksanakan secara menyeluruh dalam pertanian yang merangkumi sektor pertanian, perikanan, ternakan dan perladangan termasuk pemain taruh industri makanan negara ini.

Pertanian pintar adalah satu konsep perubahan kaedah pertanian tradisional kepada pertanian moden yang menggunakan teknologi seperti GPS, internet tanpa sempadan (IOT), pengimbasan tanah dan pengurusan data yang selari dengan revolusi industri 4.0 yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dalam pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan sumber makanan import dan

menghasilkan rantaian makanan yang cekap.

Walhal, cadangan Kerajaan untuk memperkenalkan pertanian pintar ini dialu-alukan selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) demi menjamin kemaslahatan rakyat. Namun begitu, dasar baharu pertanian pintar yang diuar-uarkan akan diumumkan oleh Kerajaan pada suku akhir tahun 2019 masih menjadi tanda tanya. Persoalannya, bilakah dasar tersebut akan diumumkan?

Tambahan pula, dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) agenda pertanian pintar ini merupakan insentif khusus dalam pertanian dan industri makanan pada tahun ini. Saya berharap konsep ini diperincikan lagi dengan pelan induk yang berstrategi termasuk dalam Dasar AgroMakanan Negara (2021-2030) dan Pelan Induk Perindustrian Keempat (2021-2030).

Di samping itu, rakyat termasuk golongan muda juga perlu diberikan pendedahan dan tunjuk ajar secara terperinci dalam pelaksanaan pertanian pintar ini. Bahkan, selain penggunaan teknologi digital dalam pertanian pintar, petani juga perlu diberikan galakan dan didikan untuk melaksanakan pertanian yang mesra alam demi menjaga kelestarian alam sekitar. Oleh itu, Kerajaan perlu agresif dan proaktif dalam melaksanakan pertanian pintar ini yang turut menarik minat anak-anak muda untuk menceburi bidang pertanian.

Akhir sekali, selain pelaksanaan konsep pertanian pintar yang secara holistik dan berstrategi dilakukan, Kerajaan juga perlu bersedia mengawal pengurusan sisa elektronik (*e-waste*) dari sekarang dengan pertambahan penggunaan teknologi moden dalam masa 10 tahun akan datang.